

# TENTANGAN DISEBABKAN 'SATU DUA ORANG' UM 22 APR 1987 BERCITA<sub>2</sub> BESAR

## MAHATHIR

KUALA LUMPUR 21 April  
— Datuk Sri Dr. Mahathir  
Mabamad berkata,  
tentangan terhadap  
kepimpinan sekarang tidak  
ada kena - mengena  
dengan dasar-dasar negara  
atau pencapaian UMNO  
tetapi disebabkan ada 'satu  
dua orang' yang bercita-  
cita besar.  
Perdana Menteri  
menegaskan satu dua orang  
inilah yang memberi  
galakan kepada yang lain  
untuk mendedahkan sikap  
yang tidak sepatutnya ada

pada mereka.  
"Apa yang berlaku ialah  
untuk mendapatkan  
sokongan maka dasar-  
dasar ini dijadikan isu.  
Tetapi dasar-dasar ini  
berjaya membawa kita ke  
tahap pembangunan yang  
lebih tinggi," katanya  
dalam wawancara khas  
dengan Merdeka - lidah  
rasmi UMNO sempena  
pemilihan pucuk pimpinan  
UMNO pada 24 April ini.  
Presiden UMNO itu telah  
ditanya sama ada beliau  
menganggap pertandingan  
Jumaat ini adalah atas asas  
kepentingan peribadi dan  
bukan atas kehendak  
UMNO.

Jawapannya: "Memang  
benar kerana ada satu dua  
orang yang bercita-cita  
besar maka mereka  
memberi galakan kepada  
yang lain untuk  
mendedahkan sikap yang  
tidak sepatutnya ada pada  
mereka."

Oleh itu, beliau  
menjelaskan tidaklah tepat  
kalau dikatakan dasar-  
dasar itu tidak berkesan  
bagi mencapai matlamat

**LIHAT MUKA 6**

TENTANGAN KEPIMPINAN DISEBABKAN ADA YANG BERCIITA<sup>2</sup> BESAR

kepimpinannya untuk mewujudkan sebuah negara yang progresif, makmur dan bermaruah.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyifatkan tentangan yang dihadapi sekarang tidak ada kena-mengena dengan pencapaian UMNO memandangkan parti itu mencapai kejayaan yang amat besar dalam pilihanraya lalu.

Beliau menanyakan jika benarlah kepimpinan UMNO tidak baik dan dasar-dasar kerajaan juga tidak baik, maka mustahil kerajaan mencapai kemenangan yang cemerlang.

"Tetapi oleh kerana ada orang yang bercita-cita besar maka inilah yang menyebabkan pertandingan berlaku yang mana ini menjejaskan imej kita," ujarnya.

Perdana Menteri mengakui pertandingan Tun Hussein dengan Haji Sulaiman Palestin untuk merebut

jawatan UMNO pada tahun 1981 tidaklah sama seperti pertandingan Tengku Razaleigh Hamzah dengan beliau.

Katanya, ini adalah satu cabaran yang lebih bermakna terhadap bukan sahaja pucuk pimpinan tetapi terhadap tradisi UMNO dan cabaran ini memerlukan pandangan yang serius daripada setiap anggota parti selain daripada pihak yang dicabar.

Beliau khawatir persaingan hebat dalam pemilihan pucuk pimpinan akan membawa kesan buruk terhadap UMNO.

"Hari inipun kita dapati sudah ada puak yang kadang-kala tidak bertegur - sapa dan ada sangkaan buruk di antara kedua pihak ini. Mereka terpisah dan ada golongan yang mengasingkan dan memencilkan diri."

Di samping itu, menurutnya, sudah pun ada

tanda-tanda bahawa orang asing sudah memandang rendah kepada orang Melayu kerana perselisihan dalam parti dan mereka sudah kurang menghormati orang Melayu.

Jika keadaan ini berterusan, beliau bimbang ini akan menjejaskan pembangunan bangsa Melayu sebagai bangsa yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain pada zaman moden ini.

Wawancara akhbar itu dalam keluaran terbarunya juga menyentuh mengenai hasrat Perdana Menteri untuk negara, prestasi ekonomi, usaha menanamkan semangat kesedaran terhadap yang dipimpin dan nilai-nilai hidup rakyat sekarang. Mengenai hasratnya, Datuk Sri mengulangi ia tidak lain daripada menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju setaraf dengan negara-negara maju yang

lain. Beliau berpendapat ini bukanlah cita-cita yang mustahil dicapai kerana banyak negara yang dahulunya berupa negara yang membangun sekarang sudah menjadi negara yang maju ataupun separuh maju.

Sambil menyatakan Malaysia mempunyai potensi dan kebolehan yang sama, Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan yang pentingnya kerajaan mestilah mempunyai arah tertentu dan tidak ada halangan dalam usaha itu.

"Kita perlu menyusun langkah, mempunyai dasar dan menentukan cara-cara yang baik untuk mencapai maksud ini," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, beliau telahpun berjumpa dengan semua pemimpin dan ramai juga ahli UMNO untuk menerangkan bukan sahaja dasar-dasar kerajaan, tetapi membuat analisa tentang kenapa

negara tidak begitu berjaya dan cara supaya boleh berjaya.

Kerajaan juga bersetuju mengadakan kursus-kursus bagi semua rakyat supaya mereka lebih sedar akan tanggungjawab mereka dan cara-cara menjalankan tugas yang boleh memberikan kejayaan.

Mengenai ekonomi negara, beliau menarik perhatian ia sudahpun mula meningkat semula dan trend ini akan berterusan asalkan ekonomi dunia tidak sekali lagi menghadapi tekanan kemelesetan yang teruk.

Menyentuh soal nilai hidup rakyat, beliau tidak puas hati kerana terdapatnya kemerosotan nilai-nilai hidup di mana terlalu ramai yang terbawa-bawa dengan kebudayaan Barat dan ada pula yang beralih kepada tafsiran agama yang keterlaluan yang sebenarnya tidak dikehendaki oleh agama Islam.

Anwar yang akan melepaskan jawatan Ketua Pemuda UMNO Malaysia sebelum perhimpunan agung parti itu Jumaat ini.

Datuk Sri Najib pula ketika membuat kenyataan bagi pihak anggota - anggota Exco Pemuda UMNO menyokong Encik Anwar, menyeru semua perwakilan Pemuda UMNO ke perhimpunan agung parti itu nanti memberikan sokongan yang bulat kepada Encik Anwar.

Mesyuarat Exco Pemuda UMNO hari ini dihadiri juga oleh empat orang anggotanya yang semalam telah menyatakan sokongan terbuka mereka kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Keempat - empat mereka vana terdiri daripada Encik